

17/10/1998

Tambahan pekerja asing diluluskan

SUNGAI SIPUT, Jumaat - Kerajaan akan membenarkan lebih ramai pekerja asing bekerja dalam beberapa sektor produktif di negara ini berikutan kekurangan yang mendesak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali, berkata kerajaan pada dasarnya sudah meluluskan pertambahan pekerja asing di sektor perladangan, pembinaan, perkilangan dan perhotelan.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing tidak lama lagi untuk membincangkan perkara itu.

"Mesyuarat itu adalah pertama kali dipengerusikan oleh Dr Mahathir. Sebelum ini ia dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Anwar Ibrahim," katanya kepada pemberita selepas majlis Penerangan Mengenai Isu Semasa kepada pemimpin Barisan Nasional dan ahli cawangan Sungai Siput, di sini hari ini.

Tajol Rosli berkata, setakat ini pihaknya belum mengenal pasti jumlah pekerja asing yang diperlukan tetapi yang pasti ia membabitkan pertambahan besar.

Sejak Januari sehingga September lalu, jawatankuasa berkenaan sudah meluluskan pengambilan 100,000 pekerja asing di sektor perladangan dan perkilangan.

Kali pertama kerajaan meluluskan pengambilan sebanyak 50,000 pekerja asing, iaitu membabitkan 30,000 orang di sektor perkilangan dan 20,000 di sektor perladangan.

"Kemudiannya, kerajaan meluluskan pertambahan 50,000 lagi pekerja asing, iaitu 20,000 membabitkan sektor perkilangan; di sektor perladangan (10,000) dan di Sabah (20,000)," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sedar mengenai tuntutan daripada majikan di sektor terbabit yang amat memerlukan tenaga pekerja berikutan kekurangan permintaan daripada pekerja tempatan.

Mengenai program pengampunan pekerja tanpa izin rakyat Indonesia yang diberi tempoh dua bulan sehingga 31 Oktober ini untuk pulang ke negara mereka, Tajol Rosli berkata mereka yang sudah membeli tiket selepas tarikh itu diminta datang ke Jabatan Imigresen.

"Ini untuk mendapatkan pengesahan daripada jabatan berkenaan untuk membolehkan mereka tinggal di negara ini sehingga tempoh yang ditetapkan itu," katanya.

Tajol Rosli juga mengingatkan Pas supaya hanya mengedar atau menjual akhbar Harakah kepada anggotanya saja dan tidak dijual secara berleluasa kepada orang ramai.

Menurutnya, Pas seharusnya menjual akhbar itu kepada ahlinya, bukan menjual secara terbuka kepada orang ramai.

"Kita memang boleh mengambil tindakan terhadap Pas tetapi kerajaan mahu bersikap adil. Oleh itu, Pas tidak seharusnya mengambil kesempatan itu untuk mengingkari perintah kerajaan," katanya.

(END)